

KEMAHIRAN MEMBACA 2.2.3

ARAHAN: Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan di bawah.

Membaca

Pemangkin Perindustrian di Malaysia

AKTIVITI

1. Anda dikehendaki membaca teks secara luncuran dan imbasan, kemudian nyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan sektor perindustrian di Malaysia.
2. Cari maklumat dan bincangkan sumbangan industri perkilangan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Ibrahim Khalil telah terpilih untuk mewakili sekolahnya dalam pertandingan Syarahan Peringkat Negeri Perak.

Benih durian tolong semaikan,
Bertambah yakin jika bertunas;
Syarahan perindustrian saya hulurkan,
Menjadi pemangkin kupasan bernas.

Salam sejahtera dan salam teknologi industri. Yang dihormati saudara pengerusi majlis, panel hakim yang adil lagi bijaksana, penjaga masa yang tidak alpa akan setiap detik waktunya, para peserta yang saya kagumi, serta hadirin yang saya kasih. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah "Kelebihan Malaysia Sebagai Pemangkin Sektor Perindustrian".

Hadirin yang saya hormati,

Kita tidak boleh menyangkal bahawa Malaysia sememangnya mempunyai banyak kelebihan dalam menjanakan sektor perindustrian. Saya katakan begini kerana kemerosotan dalam sumbangan komoditi utama seperti sektor pertanian, pembalakan, dan perlombongan bijih timah sedang berlaku kini. Keadaan ini telah memberikan peluang kepada sektor perkilangan, terutama sektor pembuatan untuk terus berkembang pesat.

Sektor perkilangan ini juga berkembang kerana adanya promosi, galakan kerajaan dan insentif lain seperti pelaburan, pemberian taraf perintis, dan zon perdagangan bebas. Hal ini telah membawa kepada peningkatan taraf kemudahan asas dan perkhidmatan. Melalui galakan ini, pelaburan dari dalam dan luar negara kian meningkat bagi sektor perkilangan. Hal ini memberikan sumbangan yang besar kepada negara.

Hadirin yang saya kasih,

Akhir kata, dapat saya rumuskan di sini bahawa Malaysia sememangnya bertuah kerana persekitaran yang ada membantu dan menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat dalam bidang perindustrian. Sekian, terima kasih.

1. Apakah tajuk syarahan yang disampaikan oleh Ibrahim Khalil?

2. Nyatakan tiga sektor komoditi utama yang sedang mengalami kemerosotan:

i) _____

ii) _____

iii) _____

3. Nyatakan dua sektor komoditi utama yang sedang berkembang pesat:

i) _____

ii) _____

4. Apakah faktor yang mendorong kepada perkembangan pesat sektor perkilangan?

i) _____ ii) _____

iii) _____ iv) _____

v) _____

5. Apakah kesan kepada perkembangan sektor perkilangan?

Kesan kepada perkembangan sector perkilangan adalah _____

dan _____.